



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 APRIL 2022 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

13 APRIL 2022 (RABU)

Rencana

Henti untungkan penjenayah, rakyat asing

MUKADIMAH

ISU penyelewengan barang subsidi khususnya petrol dan minyak masak terus membenggu sekali gus mendatangkan kesan buruk kepada rakyat dan negara. Malah lebih mengejutkan, sejumlah 63 syarikat dikenal pasti di seluruh negara menyelaweng bantuan subsidi kerajaan itu untuk tiga tahun dengan nilai dianggarkan mencecah RM1 bilion.

Bagi tahun lalu sahaja, kerajaan menampung subsidi produk petroleum, gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak sehingga RM8 bilion demi membantu mengurangkan kesan kenaikan harga komoditi di peringkat global ke atas kos sara hidup rakyat.

Ekoran harga lebih murah yang dinikmati rakyat,

ia membuka peluang kepada penjenayah untuk mengaut keuntungan berlebihan.

"Sekiranya penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi ini gagal dibendung, rakyat tidak dapat menikmati sepenuhnya, sebaliknya memberikan keuntungan berlipat kali ganda kepada penjenayah, malah rakyat asing pula lebih menerima manfaat subsidi," tegas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATUK SERI ALEXANDER NANTA LINGGI kepada wartawan *Utusan Malaysia*, MAISARAH SHEIKH RAHIM di Putrajaya, baru-baru ini.



UTUSAN: Berapa banyak kes penyelewengan bahan api petrol, diesel serta minyak masak subsidi berjaya ditumpaskan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini?

ALEXANDER: Sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan ini, sebanyak 351 kes penyelewengan petrol dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang mana pada 2018 sebanyak 35 kes, 95 kes (2019), 93 kes (2020), 115 kes (2021) dan 13 kes (sehingga Februari 2022).

Bagi penyelewengan diesel pula, dalam tempoh sama, sebanyak 396 kes iaitu pada 2018 sebanyak 75 kes, 119 kes (2019), 56 kes (2020), 110 kes (2021) dan 36 kes (sehingga Februari 2022).

Sementara itu, bagi penyelewengan minyak masak, dalam tempoh sama sebanyak 401 kes iaitu 2018 sebanyak 62 kes, 47 kes (2019), 79 kes (2020), 188 kes (2021) dan 25 kes (sehingga Februari 2022).

Berapa nilai sitaan atau rampasan?

Berdasarkan statistik sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan ini, jumlah nilai sitaan atau rampasan melibatkan penyelewangan petrol adalah RM2.18 juta di mana pecahannya RM346,863 (2018), RM1.17 juta (2019),



SEPAJANG tempoh lima tahun lalu, nilai sitaan dan rampasan melibatkan penyelewangan diesel adalah berjumlah RM13.85 juta.

RM271,188 (2020), RM256,188 (2021) dan RM140,456 (2022 sehingga Februari lalu).

Bagi penyelewangan diesel, dalam tempoh sama, nilai sitaan atau rampasan adalah berjumlah RM13.85 juta di mana pecahannya RM2.54 juta (2018), RM5.33 juta (2019), RM1.97 juta (2020), RM3.45 juta (2021) dan RM553,736 (sehingga Februari 2022).

Bagi penyelewangan minyak masak pula, dalam tempoh sama, nilai sitaan atau rampasan adalah berjumlah RM15.57 juta di mana pecahannya RM806,413 (2018), RM12,86 juta (2019), RM664,856 (2020), RM1.2 juta (2021) dan RM42,560 (sehingga Februari 2022).

Gangguan ini boleh mengakibatkan rakyat sukar untuk mendapatkan bekalan barang di pasaran sekali gus akan menimbulkan suasana panik."

Apa bentuk kerugian dialami masyarakat dan negara akibat ketirisan subsidi? Sudah tentu subsidi yang

diperuntukkan kerajaan saban tahun sekitaranya diseleweng mendatangkan kesan buruk kepada Keluarga Malaysia dan negara. Sekiranya penyelewangan barang kawalan dan bersubsidi ini gagal dibendung, rakyat tidak dapat menikmati sepenuhnya sebaliknya memberikan keuntungan berlipat kali ganda kepada penjenayah yang melakukan aktiviti-aktiviti haram ini, malah rakyat asing pula yang lebih menerima manfaat subsidi.

Setiap tahun kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan besar bagi membantu rakyat dalam menangani peningkatan kos sara hidup dengan memberikan subsidi ke atas barang-barang keperluan asas tertentu seperti petrol, diesel, minyak masak dan sebagainya yang membolehkan rakyat menikmati barang tersebut pada harga lebih berpatutan selain mudah diperoleh.

Apa akan berlaku jika kegiatan penyelewangan dan penyeludupan barang kawalan subsidi tidak dikawal?

Sekiranya kegiatan penyelewangan dan penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi ini tidak dikawal dengan tegas, ia menyebabkan bekalan terganggu. Gangguan ini boleh mengakibatkan rakyat sukar untuk mendapatkan bekalan di pasaran sekali

gus akan menimbulkan suasana panik yang boleh menyumbang kepada keadaan dan situasi lebih buruk dalam konteks bekalan dan harga barang kawalan dan bersubsidi ini yang menjadi keperluan utama kepada Keluarga Malaysia.

Apa tindakan dikenakan kepada pihak yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan termasuk pengilang yang bersubahat?

Tindakan oleh kementerian ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan penyelewangan barang kawalan berjadijal, khususnya barang bersubsidi ialah di bawah peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan perundangan subsidiarnya yang berkaitan.

Antaranya menggantung atau menarik kuota dan lesen ke atas syarikat atau manajer-pihak yang didapati terbabit melakukan penyelewangan dan penyeludupan.

Penjenayah yang melakukan penyelewangan atau penyeludupan bahan api dan minyak masak ini juga boleh ditangkap dan direma semestarak dikenakan kompaun atau dihadapkan ke mahkamah.

Mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan juga perundangan subsidiarnya, jika membatitkan individu

boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat boleh didenda tidak melebihi RM2 juta.

Bagi memberi lebih kesan kepada penjenayah, mereka juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Haram (AMLATFPAAA) 2001. Jika mana-mana orang disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 4 (Akta 613) AMLATFPAAA 2001 boleh dikenakan penjara tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh dindena tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

Bagi harta-harta yang dapat dibuktikan terlibat dengan pengubahan wang haram akan dilucut hak dan dijadikan hasil kepada kerajaan.

Selain itu, KPDNHEP juga mengambil tindakan lebih tegas dengan menggantung lesen berkaitan ke atas mana-mana pihak yang terlibat dalam kegiatan penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi. Sekiranya mana-mana pihak didapati melakukan penyelewangan ke atas bahauan minyak, petrol dan diesel ini, lesen di bawah *Petrol Development Act 1974* (PDA) dan *Control of Supplies Act 1961* (CSA) akan digantung, manakala bagi mana-mana pihak yang melakukan penyelewangan ke atas minyak masak, tindakan penggantungan lesen di bawah *Control of Supplies Act 1961* (CSA) dan penggantungan kuota yang diberikan di bawah Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS).

Bermula 1 Januari sehingga 11 Mac lalu, sebanyak dua syarikat stesen minyak dan dua syarikat pemborong yang disyaki terlibat dalam kegiatan penyelewangan petrol dan diesel telah digantung lesennya.

Bagi kes penyelewangan minyak masak, sebanyak 15 syarikat pembungkus minyak masak dan lima syarikat pemborong yang disyaki terlibat melakukan kegiatan penyelewangan telah digantung lesennya.



SEBANYAK 15 syarikat pembungkus minyak masak dan lima syarikat pemborong yang disyaki terlibat melakukan kegiatan penyelewangan telah digantung lesennya.

Selain itu, sempadan perairan yang luas juga memudahkan penyeludupan berlaku khususnya di Sabah dan Sarawak.”

ini menunjukkan tahap keseriusan kementerian untuk membendung ketirisan subsidi dan penyelewangan

Apa langkah-langkah yang diambil oleh KPDNHEP bagi mempergiatkan lagi penguatkuasaan terhadap kes penyelewangan dan penyeludupan?

Antara langkah-langkah yang telah diambil kementerian bagi mempergiatkan lagi tindakan penguatkuasaan dan pemeriksaan terhadap kes penyelewangan dan penyeludupan ialah:

- Mempergiat pemeriksaan dan pengaudit di setiap peringkat rantai pengedaran barang kawalan berjedual.
- Menjalankan pemeriksaan pematuhan lesen dan permit ke atas

terhadap barang kawalan dan bersubsidi ini daripada terus berleluasa.

Negeri mana yang sering berlaku kes penyelewangan ini?

Kebiasaannya kes-kes membatikan penyelewangan dan penyeludupan barang kawalan berjedual khususnya barang bersubsidi berlaku di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Di Sabah pula di kawasan Pantai Timur Sabah.

Selain itu, sempadan perairan yang luas juga memudahkan penyeludupan berlaku khususnya di Sabah

dan Sarawak yang sukar dikawal sepenuhnya oleh kementerian.

Berapa banyak operasi atau pemeriksaan penguatkuasaan dilaksanakan bagi menangani kes ini?

Berdasarkan statistik sepanjang lima tahun kebelakangan ini bermula 2018 sehingga 2022, sebanyak 67,630 operasi atau pemeriksaan berkaitan barang kawalan dan bersubsidi dijalankan kementerian.

Bagi menangani kes penyelewangan dan penyeludupan ini, KPDNHEP melalui Bahagian Penguat Kuasa telah melaksanakan

peniaga dan pengusaha restoran.

- Membuat risikan ke atas pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit dengan sasaran terpilih yang disyaki menyeleweng barang kawalan bersubsidi termasuk risikan ke negara jiran.
- Mengantung kuota dan lesen ke atas syarikat yang didapati terbabit melakukan penyelewangan dan penyeludupan.
- Menetapkan had pembelian. Contohnya, minyak masak polibeg sebanyak tiga paket untuk memastikan lebih ramai pengguna isi rumah dapat menikmati subsidi yang diberikan oleh kerajaan;
- Mengheret penjenayah ke mahkamah tanpa mengenai kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan.
- Mengemaskini akta dan prosedur operasi standard (SOP) dari semasa ke semasa untuk memastikan penalti ke atas penjenayah setimpal dengan kesalahan dilakukan.
- Menjalankan siasatan di bawah AMLATFPAAA 2001 dengan membekukan aset alih dan bukan aset alih penjenayah.
- Mempertingkatkan dan

pelbagai operasi khas seperti Op Titiki (petrol dan diesel), Op Goreng (minyak masak), Op Inap (gas memasak), Op GP (tepung gandum), dan Op Ampai (gas memasak). Di bawah operasi-operasi ini, pemeriksaan yang dijalankan adalah secara berfokus dan menyeluruh ke atas pelbagai rantaian pengedaran barang kawalan dan bersubsidi ini termasuklah di peringkat pengilang, pengedar, pemborong dan peruncit.

Selain itu, KPDNHEP juga sentiasa mengadakan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan dengan melakukan pemeriksaan dan operasi bersama seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Pasukan Polis Marin (PPM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

KPDNHEP akan terus giat dan memperkasakan penguatkuasaan membanteras ketirisan barang kawalan termasuk petrol, diesel dan minyak masak sama ada secara bersendirian maupun secara bersepada dengan lain-lain agensi penguatkuasaan untuk memastikan subsidi dinikmati oleh golongan sasar dan mengekang tanggungan subsidi yang semakin meningkat.

memperkuuh jaringan kerjasama tiengen agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti JKDM, ATM, PDRM dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM).

Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan salah laku oleh peniaga boleh mengemukakan aduan secara tepat berserta butiran lengkap melalui saluran berikut:

- WhatsApp 019-279 4317
- Portal e-aduan.kpdnhep
- Pusat Panggilan 1-800-886-800
- E-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- Ez ADU KPDNHEP

ISU HARGA AYAM

Syor guna GLC sebagai integrator

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bagi menstabilkan harga ayam di pasaran, kerajaan digesa menggunakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai integrator ternakan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Pernak Ayam Selangor Idrus Zainal Abidin berkata, hanya terdapat beberapa integrator atau pengeluar ayam ber-skala besar di Malaysia, se-kali gus menjadikan sektor berkenaan tidak kompetitif.

Menurutnya, kebanyakan penternak di negara ini ber-skala sederhana dan kecil bergantung kepada bekalan anak ayam serta makanan yang dibekalkan integrator.

Katanya, integrator mem-bekalkan anak ayam pada harga antara RM1.80 hingga RM1.90 seekor selain bahan makanan seperti dedak dan jagung termasuk vaksin.

"Apabila kerajaan meng-gunakan GLC seperti Felda dan Felcra sebagai integrator untuk bina ladang ayam ber-skala besar maka harga ayam lebih mudah dikawal.

"Kini beberapa syarikat swasta memonopoli industri ini sebagai integrator dan berkemungkinan monopolis harga berlaku seterusnya meningkatkan harga ayam.



KEBANYAKAN penternak ayam di negara ini berskala sederhana dan kecil bergantung kepada bekalan anak ayam serta makanan yang dibekalkan integrator.

di pasaran," katanya kepada Harian Metro.

Belian berkata, di peringkat penternak, mereka hanya menikmati keuntungan 50 sen hingga 70 sen untuk se-ekor ayam bermula daripada menetas sehingga matang untuk disembelih.

Katanya, Felda dan Felcra mungkin boleh menggunakan tanah terbiar untuk di-bangunkan sebagai ladang ayam ber-skala besar.

"Bukan saja harga boleh dikawal kerajaan, malah ia turut memberi peluang pe-kerjaan kepada masyarakat

setempat.

"Penternak berskala kecil juga tidak bimbang apabila harga dikawal kerajaan, ma-lah subsidi yang digunakan boleh membangunkan be-berapa ladang ayam berska-la besar.

"Industri ternakan ayam perlu dikawal secara terus oleh kerajaan kerana beka-lan bahan mentah ini men-jadi pilihan utama rakyat berikutan harga sumber protein laut meningkat ma-ka rakyat beralih kepada ayam," katanya.

Muka depan Harian Me-

tro, baru-baru ini melapor-kan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mendedahkan kenaikan harga ayam tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan sudah memperuntukkan subsidi dianggarkan RM300 juta bagi menstabil-kan harga bahan mentah itu.

Namun, kenaikan harga masih berlaku dan kerajaan kini dalam usaha mengesan pihak yang mengambil ke-sempatan mengaut keuntu-nan segera.

Peladang ayam kena kompaun RM30k

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor menganak kompaun RM 30,000 terhadap sebuah syarikat pengeluar ayam (peladang) di Skudai semalam.

Pengaruhnya, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, tindakan itu diam-bil sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP Johor Bahru hasil siasatan lanjut terhadap ran-taihan pembekalan serta pengedaran jualan ayam di negeri ini.

Katanya, hasil siasatan bermula dari tindakan ran-taihan pemeriksaan terhadap peruncit serta pembo-rong.

"KPDNHEP Johor turut mengambil tindakan terhadap 13 kes babit pemborong ayam di sekitar Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Kluang.

"Mereka dikenakan kom-paun atas kesalahan yang sama di bawah Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu menjual melebihi harga kawalan yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Minggu lalu, Harian Metro melaporkan harga ayam segar di bandar raya ini me-lonjak antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram (kg) se-kali gus dijual tidak me-ngeikut harga siling RM8.90

yang ditetapkan kerajaan.

Dalam pada itu, Mohd Hairul Anuar berkata, KPDNHEP Johor melakukan 3,088 pemeriksaan membabitkan 3,032 pemeriksaan di peringkat peruncit dan 46 pemeriksaan di peringkat pemborong selain 10 peme-

riksaan di peringkat peladang.

Katanya, pe-meriksaan itu berdasarkan rekod dari-pada tempoh kuat kuasa Penentuan Harga Maksi-mum (PHM) bagi Ayam & Te-

lur yang bermula sejak 5 Februari lalu.

"Sebanyak 94 kes diha-silkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pen-catutan (AKHAP) 2011 dengan jumlah kompaun se-banyak RM89,700.

"KPDNHEP Johor menga-mbil serius mengenai isu harga ayam dan ingin me-nasihatkan peniaga khusus-nya di Johor supaya me-matuhi segala undang-undang perniagaan yang telah ditetapkan oleh kementeri-an dan tidak mengambil ke-sempatan menaikkan harga barang sewenang-wenang-nya dalam tempoh ini."

"Tindakan tegas akan di-ambil sekiranya mendapati peniaga yang melakukan kesalahan berkaitan beka-lan dan harga. Pengguna di negeri Johor boleh menyur-kan maklumat atau adu-an berkaitan salah laku pe-niaga kepada kementerian," katanya.

KPDNHEP Johor turut mengambil tindakan terhadap 13 kes terhadap pemborong ayam

Mohd Hairul Anuar Bohro

Peniaga caj 60 sen potong ayam

MELAKA — Peniaga di Pasar Awam Melaka di sini mula menganakan caj untuk perkhidmatan memotong ayam sebanyak 60 sen bagi setiap kilogram, sejak minggu lalu.

Tinjauan Kosmo! di lokasi mendapat kesemua peniaga ayam telah menampal notis makluman mengenai caj tersebut di tapak niaga masing-masing.

Seorang peniaga, Ghazali Abu Bakar, 48, berkata, caj itu terpaksa dikenakan bagi mendapatkan kembali keuntungan selepas harga siling runcit ayam segar turun sehingga RM8.90 sekilogram.

"Caj ini kita baru kenakan sejak tiga hari lalu disebabkan terdesak selepas keuntungan diperoleh selepas harga baharu siling cumalah 10 sen.

"Harga ayam daripada pembekal pun RM8.70 sehingga RM8.80, siapa yang nak berniaga untuk untung setakat 10 sen?" katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Jelasnya lagi, caj potong itu juga merupakan cadangan yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



PENIAGA ayam di Pasar Awam Melaka menampal notis mengenakan caj upah potong 60 sen sejak minggu lalu.

Melaka.

"Kita jumpa KPDNHEP memberitahu keadaan peniaga yang semakin tertekan dan mereka mencadangkan untuk perkhidmatan memotong ayam dikenakan caj.

"Tetapi kalau secara peribadi adalah lebih mudah harga ayam dinaikkan semula seperti dahulu, kami pun tidak perlu menjelaskan caj ini kepada pelanggan," katanya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Hasniwati Hassan Basri, 65, memberitahu, dia tidak kisah caj itu dikenakan kerana harga

ayam masih di bawah RM10 bagi seekor ayam standard.

"Mak cik tidak terasa terbebani, dulu harga ayam pun lebih kurang itu (RM9.50) tetapi janganlah sampai mencecah RM10," katanya.

Raniyahasunah Mat Yani, 25, turut meluahkan perkara sama dan menganggap caj itu adalah wajar kerana telah memudahkan urusan pelanggan.

"Tidak mengapalah bayar 60 sen untuk memudahkan kerja memasak di rumah, bawa balik ayam tinggal cuci sahaja nanti," katanya.

Kos upah tidak salah, pilihan pelanggan – KPDNHEP

MELAKA – Caj potong 60 sen yang dikenakan peniaga ayam segar kepada pelanggan tidak menyalahi peraturan selagi masih mengikuti harga siling ditetapkan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, caj itu merupakan perkhidmatan pilihan yang disediakan oleh peniaga kepada pelanggan.

Katanya, justeru pertambahan caj perkhidmatan itu tidak menyalahi peraturan kerana pelanggan masih boleh membeli pada harga siling runcit iaitu RM8.90 sekilogram.

"Ini adalah servis tambahan dan tidak salah peniaga menganakan caj kerana kalau ikutkan mereka sepatutnya hanya perlu menjual ayam seekor tanpa perlu dipotong.

"Kalau pembeli tidak mahu perkhidmatan itu, ayam akan dijual mengikut harga siling, jadi tidak timbul isu atau kesalahan mengenai caj 60 sen ini," katanya ketika dihubungi



NORENA

semalam.

Mengulas lanjut dia berkata, situasi itu menjadi perkara baharu buat pengguna hanya disebabkan perkhidmatan itu tidak pernah dikenakan caj sebelum ini.

"Saya percaya, caj ini dikenakan merupakan respons peniaga disebabkan harga siling runcit baharu ayam yang turun sebanyak tiga kali mencecah 60 sen sejak Deepavali tahun lalu.

"Sebelum ini perkhidmatan potong diberikan secara percuma kerana harga ayam masih tinggi, jadi apabila kita turunkan kepada RM8.90 sekilogram, mereka cuba mencari kembali keuntungan dengan mengenakan caj servis ini," katanya.

‘Kena beli gula untuk dapatkan bekalan minyak masak paket’

Kota Bharu: Peniaga kedai runcit di sini, mendakwa pemborong meletakkan syarat kepada mereka supaya membeli gula terlebih dulu bagi mendapatkan bekalan minyak masak paket satu kilogram (kg).

Malah, pemborong juga menetapkan jumlah minyak masak bersubsidi yang diperoleh itu bergantung kepada jumlah pembelian gula.

Disebabkan itu, peniaga memaklumkan bekalan minyak masak paket mengalami gangguan dan mereka terpaksa mengehadkan jualan memandangkan stok yang terhad.

Tinjauan di beberapa kedai runcit mendapat, rak yang sepatutnya menempatkan minyak masak kosong dan peniaga mempamerkan notis minyak masak satu kg kehabisan.

Peniaga kedai runcit, Siti Mahayon Mokhtar,

50, mendakwa minyak masak paket mengalami masalah kekurangan bekalan sejak tahun lalu dan lebih meruncing sejak Ramadan.

“Malah, pemborong juga meletakkan syarat untuk membeli minyak masak paket, peniaga perlu membeli gula dan jumlah minyak masak paket yang diberikan pula bergantung kepada berapa kg gula yang dibeli.

“Disebabkan bekalan minyak masak paket diperoleh sedikit, saya hanya menjualnya kepada pelanggan tetap dengan mengehadkan hanya satu atau dua paket minyak masak kepada setiap pembeli dan ia bergantung kepada bekalan minyak yang diperoleh,” katanya ketika ditemui di Pengkalan Chepa, semalam.

Bagi Siti Hajar Sidek, 43, dia turut bingung dengan ketiadaan stok bahan mentah itu dan be-

kalan yang dihantar oleh pembekal juga tidak banyak berbanding sebelum ini.

“Jika dapat bekalan minyak masak paket yang dihantar oleh pembekal, saya akan mengehadkan hanya dua paket minyak kepada setiap pembeli dan ia akan habis dijual dalam tempoh yang singkat.

“Ada waktunya saya terpaksa mencatut jualan dan kadang-kadang ramai peniaga makanan yang tidak berpuas hati kerana sangat perlukan minyak masak paket ini untuk perniagaan mereka,” katanya.

Mohd Jusoh Yahya, 56, pula berkata kebanyakan pelanggan yang datang ke kedainya untuk mendapatkan minyak masak paket merungut.

“Saya sendiri tidak tahu kenapa masih tiada stok bahan mentah ini sejak lebih sebulan lalu,” katanya.

HARI : RABU
TARIKH : 13/4/2022
M/SURAT : 13

Dilema peruncit beli gula baru dapat minyak peket



SITI Mahayon menunjukkan ketidadaan bekalan minyak masak peket bersubsidi satu kilogram sejak tahun lalu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kota Bharu: Peniaga kedai runcit di sini, mendakwa pemborong meletakkan syarat supaya membeli gula terlebih dahulu bagi mendapatkan bekalan minyak masak peket satu kilogram (kg).

Pemborong juga meneckap jumlah minyak masak bersubsidi yang diperoleh itu bergantung kepada jumlah pembelian gula.

Disebabkan itu, peniaga memaklumkan bekalan minyak masak peket mengalami gangguan dan terpaksa mengehadkan jualan memandangkan stok terhad.

Tinjauan di beberapa kedai runcit mendapati rak se-

patutnya menempatkan minyak masak itu kosong dan peniaga turut mempamerkan notis memaklumkan minyak masak itu habis.

Peniaga runcit, Siti Mahayon Mokhtar, 50, mendakwa bekalan minyak masak paket lebih meruncing sejak Ramadan.

"Disebabkan bekalan minyak masak peket diperoleh hanya sedikit, saya hanya menjualnya kepada pelanggan tetap dengan mengehadkan hanya satu atau dua peker minyak kepada setiap pembeli dan ia bergantung kepada bekalan minyak yang diperoleh," katanya.

Pelitup muka SIRIM perisai koronavirus

KECOH di media sosial apabila kerajaan mengumumkan pelitup muka bukan perubatan perlu ada cop SIRIM.

Penguatkuasaan yang sepatutnya mula dilaksanakan pada 5 Julai depan bagaimanapun ditangguhkan kerajaan kepada 1 Januari 2023 selepas mendapat 'tentangan' hebat daripada pengguna.

Seiring dengan pengumuman berkenaan, semua mempersoalkan sama ada pelitup muka berkenaan akan membuatkan seseorang itu tidak akan dijangkiti Covid-19 kerana kualiti dan keselamatan tinggi.

Malah ada juga pihak yang mempertikalkan kenapa selepas dua tahun bergelut dengan Covid-19 dan ketika negara berada pada fasa peralihan endemik baru 'undang-undang' berkenaan mahu dilaksanakan.

"Di saat banyak negara yang tidak lagi menguatkuasakan pelitup muka, lain pula halnya di negara ini.

"Dua tahun kita mengharungi pandemik Covid-19 dengan kes mencecah puluhan ribu, elok saja guna pelitup tanpa SIRIM."

Demikian sebahagian keluhan pengguna yang menyifatkan pelaksanaannya nanti bakal membebankan pengguna.

Mengikut kerajaan, tujuan penguatkuasaan pelitup muka perlu ada cop SIRIM bagi mengatasi lambakan barang tersebut yang tidak berkualiti di samping menjaga kesejahteraan pengguna.

Kita tidak mempertikaikan alasan itu, malah tiada siapa mempertikaikan keperluan menggunakan pelitup muka yang kita semua tahu salah satu 'perisai' mengelakkan daripada dijangkiti virus pembunuh itu.

Bagaimanapun bolehkah pihak berkuasa memberi jaminan bahawa harga tidak akan naik dan pengguna tidak terbeban.

Bagi yang mampu, Alhamdulillah, namun bagi kumpulan B40, M40 yang kini bergelut dengan kenaikan harga barang, sudah pasti tertekan.

Ketika ini, tiada hari tanpa pelitup muka sama ada ke sekolah, tempat kerja, pasar termasuk bersiar-siar sejak kerajaan mewajibkan penggunaannya pada Ogos 2020.

Mengikut perkiraan, sehari seorang perlu keluarkan belanja antara 40 sen hingga RM2 untuk sekeping pelitup muka. Malah harga itu mungkin lebih mahal mengikut reka bentuk, kualiti dan pengeluar.

Bayangkan jika satu keluarga terdiri daripada lima orang dan kesemuanya bersekolah dan bekerja, berapa wang yang perlu dikeluarkan dalam sehari? Harga yang perlu dibayar untuk tujuh hari dan sebulan.

Sebelum ini juga, terdapat kes individu yang membahuh pelitup muka kerana tidak mampu membeli barang tersebut.

Jika penggunaan pelitup muka bukan perubatan dengan cop SIRIM dikuatkuasakan, kita bimbang kes seumpama itu akan berulang. Mungkin ada pengguna yang akan menggunakan pelitup muka yang sama berhari-hari semata-mata mematuhi arahan kerajaan.

Sudahnya, kebersihan tidak terjaga, terdedah pula kepada jangkitan. Kepada kerajaan, fikirkanlah keluhan rakyat yang baru hendak hidup semula selepas dua tahun nyawa-nyawa ikan.

Kepada rakyat, perlu diingat, pelaksanaan pelitup muka ada cop SIRIM ditangguhkan bukan dimansuhkan.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **RABU**
TARIKH : **13/4/2022**
M/SURAT : **16**

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam . RM6.99 Daging Lembu Tempatan RM42.99 Daging Lembu Import RM28	Telur Gred A RM12.60 Ikan Kembung RM9.90 Minyak Masak RM6.35	Gula Pasir RM2.75 Bawang Besar Holland RM2.59 Bawang Putih RM4.99	Cili Merah RM8.99 Kubis Bulat Tempatan RM3.49 Tepung Gandum RM2.25
--	--	--	---	--

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP